



JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

KENYATAAN MEDIA BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG JABATAN PERDANA MENTERI

MALAYSIA DIBERIKAN PENGHORMATAN DI PERSADA ANTARABANGSA – PELANTIKAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI) SEBAGAI PRESIDEN AOP IACA BAGI SESI KE-13

VIENNA, 30 OKTOBER 2024 – Malaysia mencipta sejarah di arena pencegahan rasuah antarabangsa apabila YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), dilantik sebagai Presiden *Assembly of Parties (AoP) International Anti-Corruption Academy (IACA)* bagi sesi ke-13 dalam perhimpunan AoP yang diadakan di Vienna International Center, Vienna hari ini.

Pelantikan bersejarah ini merupakan kali pertama Malaysia diamanahkan untuk memegang jawatan tertinggi dalam AoP IACA, suatu platform utama bagi pembangunan kapasiti global dalam pencegahan rasuah. Sebagai Presiden AoP, YB Dato' Sri Azalina Othman Said akan memimpin Biro AoP serta keanggotaan IACA yang terdiri dari 77 negara dan 4 pertubuhan antarabangsa dalam pembentukan dasar dan strategi IACA untuk memperkukuhkan peranan akademi berkenaan dalam bidang pendidikan dan latihan antirasuah profesional. Sejak sesi pertama AoP IACA yang berlangsung pada 2012, Malaysia hanya pernah dipilih sebagai Naib Presiden dalam empat sesi mesyuarat iaitu pada sesi tahun 2014, 2015, 2019 dan 2023.

YB Dato' Sri Azalina Othman Said menyifatkan pelantikan sebulat suara ini sebagai satu penghormatan besar kepada Malaysia. Ia merupakan bukti kesungguhan Kerajaan MADANI dalam usaha membanteras rasuah di peringkat global. Lebih utama, ini merupakan pengiktirafan dan kepercayaan masyarakat antarabangsa terhadap komitmen utuh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim dan pendirian tegas beliau terhadap isu rasuah, suatu fakta yang diketahui umum di seluruh dunia. Pelantikan ini bukan sahaja memberi ruang kepada Malaysia untuk menzahirkan komitmen dan kepimpinan negara dalam usaha pencegahan rasuah di peringkat antarabangsa, bahkan satu amanah untuk membawa perubahan yang lebih bermakna dalam usaha sejagat memerangi rasuah.

Dalam perkembangan yang sama, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Dato' Sri Haji Azam bin Baki, turut dilantik semula sebagai anggota *Board of Governors* (BoG) IACA bagi sesi 2024-2027. Peranan Tan Sri Azam di dalam BoG akan memberikan kelebihan kepada Malaysia dalam menetapkan hala tuju IACA dan memastikan agenda pencegahan rasuah yang lebih berkesan dapat dicapai. Secara tidak langsung, pelantikan ini turut membantu memperkukuhkan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) sebagai pusat latihan pencegahan rasuah yang berwibawa di rantau Asia Pasifik.

Pengiktirafan IACA kepada Malaysia hari ini menjadi pelengkap kepada pelbagai inisiatif anti rasuah yang telah dan sedang dilaksanakan termasuk Strategi Nasional Antirasuah (NACS) 2024-2028, yang bertujuan untuk memerangi rasuah dan mempromosikan integriti, ketelusan dan akauntabiliti di pelbagai sektor. Ini termasuk juga beberapa inisiatif yang secara aktif dijalankan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) merangkumi reformasi perundangan dalam menambah baik tadbir urus melalui penggubalan Rang Undang-Undang Kebebasan Maklumat, pindaan kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat, dan kemas kini kepada Akta Pemegang Amanah. Malaysia yakin dengan kepercayaan badan antarabangsa seperti IACA akan memacu Malaysia menjadi negara yang bebas rasuah, dengan sasaran di kedudukan

25 negara teratas di bawah Indeks Persepsi Rasuah Transparency International dalam tempoh 10 tahun akan datang akan menjadi kenyataan.

Sebagai sebahagian daripada agenda lawatan kerja ke Vienna ini, YB Dato' Sri Azalina Othman Said turut mengadakan pertemuan dengan Pengarah Eksekutif *United Nations Office in Vienna* (UNOV) dan Pengarah Eksekutif *United Nations Office on Drugs and Crime* (UNODC), PYT Ghada Fathi Waly bagi bertukar pandangan dan mengukuhkan kerjasama antaranya dalam aspek jenayah siber dan *Transnational Organized Crime* (TOC) antara lain, melalui ASEAN Law Forum 2025. YB Dato' Sri Azalina Othman Said turut berkesempatan melawat premis dan fasiliti IACA dan mengadakan pertemuan dengan Dekan IACA, Prof. Slagjana Taseva.

**BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI
30 OKTOBER 2024**